

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **YB TUAN R. SIVARASA A/L K.RASIAH
(SUBANG)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **11.6.2014 (RABU)**

YB TUAN R. SIVARASA [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa USD3 bilion yang dipinjam oleh *IMDB Global Investments Ltd. (1MGIL)* untuk pembangunan TRX diletak dengan institusi yang tidak dinamakan dalam akaun berkanun 1MDB untuk tahun 2013; berikan nama insititusi tersebut dan juga nyatakan kenapa perjanjian untuk pelaburan itu tidak benarkan faedah, dividen atau edaran kepada 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bon yang diterbitkan sebanyak US\$3 bilion merupakan modal bagi kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Abu Dhabi berkenaan perkongsian strategik yang telah dimeterai pada 12 Mac 2013.

Pihak terlibat dari kedua-dua Negara, 1MDB dan rakan kongsinya Aabar Investments PJS, sedang mengkaji projek-projek strategik yang berimpak tinggi seperti sektor tenaga dan hartanah strategik yang telah disenarai pendek untuk dimuktamadkan dan dipersetujui bersama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dana yang diperolehi telah direkodkan dalam akaun tahunan yang difailkan 1MDB untuk tempoh kewangan berakhir pada 31 Mac 2013. Akaun tahunan tersebut telah menyatakan, dengan izin, "*for each class of portfolio invested, 1MDBGIL derives its entitlement to profits based on the returns made by the specific portfolio*".

Ini bermakna keuntungan yang diterima daripada dana tersebut boleh digunakan dalam dua (2) cara, iaitu samada dilabur semula untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi atau mengagihkan pulangan tersebut kepada pelabur dalam bentuk dividen. Dengan pulangan positif yang dilaburkan semula setiap tahun, NAV atau *Net Asset Value* bagi dana tersebut akan meningkat pada kadar pulangan kompaun yang lebih tinggi.